



MUHAMMAD ARIFF AHMAD

Dilahirkan di Singapura pada 06 Disember 1924. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Tanglin Besar dan Sekolah Melayu Tanglin Tinggi. Semasa pemerintahan Jepun, bersekolah di Syonan Nippon Gakuen dan Shihan Gako. Kemudian, meeneruskan pengajiannya di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim (1946-1949)

Beliau pernah bertugas sebagai guru, pensyarah di Maktab Perguruan Singapura, Penulis Khas di Institut Perkembangan Kurikulum Singapura, Pengarang Majalah Mekar (MOE).

Dalam bidang kesusasteraan beliau merupakan pengasas penubuhan Angkatan Sasterawan '50. Antara karya-karya yang pernah dibukukan ialah: Asas Tatabahasa (1965), Asas Bahasa Melayu Baru (1983), Jalan Bahasa Mudah (1957), Bahasa Negaraku (1959), Antologi Cerpen Sembilan (1964), Novel Sarah Pengarang Kecil (1959), Siapa Sangka (1958), Menangkap Perompak Mini Geng (1972), Pipi Kirinya Bercalar (1973), Mail Mau Kawin (1976) dan antologi puisi Jangan Tak Ada (1988)

Haji Muhammad Ariff Ahmad (MAS) pernah menerima Pingat Bakti Masyarakat, Anugerah Jasawan Majlis Pusat (1984), Jasawan Persuratan Wartawan Melayu (1987), Jasawan Guru (KGMS, 1987), Cultural Medallion (Kementerian Kebudayaan Singapura, 1987), dan Anugerah Tun Seri Lanang (1995).